

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 9 OGOS 2017

MUKA SURAT: 20

**Ampang**

## Penghuni Flat Keramat Permai digesa tubuh JMB

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menggesa penghuni Flat Keramat Permai, Taman Keramat, menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) berhubung masalah yang dihadapi di kawasan perumahan itu.

Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain berkata, dakwaan penduduk mengenai sikap diam diri pihaknya membabitkan

isu kerosakan infrastruktur blok dan penyelenggaraan bangunan termasuk mengecat tidak benar.

“Berhubung isu itu, MPAJ dapati flat berkenaan merupakan skim perumahan berstrata kategori kos rendah dan jika diikutkan daripada segi perumahan berstrata, flat ini perlu diselenggara di bawah pihak JMB,” katanya.